

# Mengimbau 25 tahun sumbangan YBK

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

rencana@utusan.com.my

**S**EBUT sahaja nama Datuk Zainal Abidin Sakom rasanya tidak sah jika tidak dikaitkan dengan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK). Kedua-duanya bagaimana sudah sinonim.

Manakan tidak sudah 25 tahun Zainal ‘bergelumang’ dengan YBK sejak awal penubuhan bahkan sama-sama membangunkan badan bukan kerajaan (NGO) yang bukan berdasarkan keuntungan ini.

Selama itu juga Zainal masak dengan segala yang berkaitan dengan kemiskinan, bagaimana mengubah minda rakyat bahawa kemiskinan bukan sesuatu yang diwarisi.


Segalanya bermula apabila Tan Sri Muhammad Muhd. Taib (Menteri Besar Selangor ketika itu) mahu taklimat rakyat dilakukan di kawasan pedalaman bagi melihat senario sebenar. Sebelum ini semuanya dilakukan di dalam pejabat berhawa dingin.

Dari situ, Muhammad bertanyaikan penduduk kampung mengenai pegawai yang memberikan taklimat, sebagai Menteri Besar turun padang melihat sendiri kesusahan rakyat.

Melihat 15 buah rumah yang dihuni oleh pasangan suami isteri dengan anak yang ramai menimbulkan idea mewujudkan satu NGO yang tidak berdasarkan keuntungan iaitu YBK bagi memudahkan bantuan disalurkan tanpa birokrasi, nepotisme atau kronisme.

Akhirnya YBK didaftarkan secara rasmi pada 26 Mac 1990 di bawah Akta Amanah Ordinan 1952 dengan Muhammad sebagai pengasas bersama-sama tiga ahli Lembaga Pemegang Amanah, Zainal Abidin, Muhammed Khairunie Mohd. Ali dan Radhi Latif.

“Saya ketika itu sebenarnya hilang arah memimpin sebuah NGO tanpa dana untuk membasmikan kemiskinan. Saya tahu banyak yang perlu dilakukan ketika itu. Tapi yang penting ketika itu ramai sahabat daripada golongan bangsawan yang sama-sama membantu,” katanya.



Saya ketika itu sebenarnya hilang arah memimpin sebuah NGO tanpa dana untuk membasmikan kemiskinan. Saya tahu banyak yang perlu dilakukan ketika itu. Tapi yang penting ketika itu ramai sahabat daripada golongan bangsawan yang sama-sama membantu.

Pada mulanya YBK menjalinkan kerjasama dengan penuntut Universiti Putra Malaysia (duku dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia). Mereka mengambil gambar dan merakam video mengenai kemiskinan.

“Ketika itu saya juga memikirkan bagaimanapun untuk menge luarkan mereka daripada gelombang kemiskinan selepas membina rumah. Setiap ketua keluarga perlu ada pendapatan sampingan bagi meningkatkan ekonomi keluarga,” katanya.

Jadi pada 1991, YBK menjalankan program menjual meja Majlis Makan Malam Sejuta Harapan dengan jemputan khas Tun Ghafar Baba (ketika itu Timbalan Perdana Menteri).

“Sebelum majlis kami telah menerima RM2 juta dan semasa majlis makan tugas penuntut UPM dipaparkan. Video kanak-kanak yang makan dalam pinggan ayan yang berinasi dan ikan masin dan kicap.

“Ketika itu jemputan yang kebanyakannya golongan bangsawan dan korporat menitiskan air mata sehingga tidak selera untuk makan. Dan pada malam itu jumlah yang diterima adalah RM4 juta,” katanya.

Selepas itu kerajaan memberikan geran sebanyak RM2 juta. Kerja pertama adalah program Lindungan Kasih bagi merobohkan rumah lama yang usang dengan rumah baru

dengan membawa wakil rakyat untuk menyerahkan kunci.

“Selama lima tahun Projek Lindungan Kasih dapat membina 300 buah rumah dan kami rasa mereka perlukan bimbingan bagi meningkatkan pendapatan. Jadi kami mengadakan Skim Kemahiran bagi isteri dan pusat tuisyen untuk anak-anak mereka.

“Maka terbentuklah Desa Kasih sebagai penempatan penduduk miskin yang lengkap dengan kemudahan ICT, surau, dewan serta pusat tuisyen. Dan kini terdapat sembilan buah Desa Kasih di Seluruh Selangor,” katanya.

YBK jelas Zainal ingin membawa anak-anak mereka keluar dari putaran ganas kemiskinan dengan membawa pelajar yang gagal dalam pelajaran diberikan kemahiran dengan beberapa syarikat terkemuka.

“Hasilnya membasmikan kemiskinan menjadi agenda utama kerajaan dengan kerajaan Selangor ketika itu meningkatkan Pusat Zakat Selangor (PZS) dengan tujuan membantu rakyat miskin. Selepas kerajaan Selangor menggantikan tugas YBK dengan PZS,” katanya.

YBK juga jelas Zainal sentiasa menekankan mengenai pendidikan dengan membangunkan Asrama Kasih, Kumpulan Tuisyen hujung Minggu (KUNTUM), Kolej Komuniti,

YBK Fastrack dan Skim Pendidikan dan Latihan - Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat bagi membangunkan modal insan.

Bagi meningkatkan sosioekonomi pula, YBK membangunkan projek Lindungan Kasih, Pemulihan Rumah, Desa Kasih, Desa Kasih Cemerlang, Program Ekonomi Merbau Berdarah, Peningkatan Pendapatan Isi Rumah, D'Kasih Cafe, Sukarelawan YBK, Sinar Kasih Ramadan dan Saringan Kesihatan. Malah Kolej Komuniti telah dikembangkan konsep ke seluruh negara di bawah kerajaan persekutuan.

Usaha YBK jelas Zainal, terlibat dalam misi antarabangsa apabila membantu rakyat Bosnia Herze govina mengikuti pelbagai bidang pengajian di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), membiayai pengajian dan sara hidup 10 orang belia Islam Kemboja semasa mengikuti pengajian bidang kemahiran di Pusat Giat Mara dan Kolej Komuniti di samping memberi sumbangan kepada mangsa tsunami Aceh.

YBK mendapat pengiktirafan dunia apabila delegasi Amerika Syarikat (AS) melawat Asrama Kasih YBK Serendah, pegawai kanan kerajaan Nepal melawat YBK, serta banyak lagi rombongan kerajaan luar yang melawat dan menjadikan YBK modul untuk membasmikan kemiskinan.

“Dalam masa 25 tahun penubuhan YBK, terlalu banyak sumbangan YBK dan mereka yang menerima sentuhan melalui program sosioekonomi dan pembangunan modal insan YBK.

“Sempena meraikan ulang tahun ke-25 YBK, satu Majlis Sambutan Jubli Perak diadakan bagi mengenang kembali sumbangan dan meraikan mereka yang berjaya disentuh oleh yayasan.

“Di sini YBK ingin mengajak mereka yang berjaya hasil sentuhan YBK kembali dan bersama-sama menyokong menjayakan misi dan visi YBK. Kami berharap ramai alumni akan melibatkan diri sempena ulang tahun ke-25 seterusnya membantu YBK,” katanya.